

Raja tidak henti meminta

RH 30 JAN 1993

JITRA, Jumaat — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata raja-raja Melayu sering membuat rayuan untuk mendapatkan sesuatu setelah kerajaan menolak sesuatu permintaan mereka.

Malah, ketika Menteri Kewangan, Datuk Seri Anwar Ibrahim bertemu raja untuk menyelesaikan isu Perisytiharan Raja-raja, ada antara mereka meminta balak bernilai berjuta-juta ringgit.

Perdana Menteri menjelaskan, sebelum ini kerajaan menurut kemahuan raja bagi mengelakkan ketegangan dengan istana dan bermasam muka dengan raja serta sultan.

Berikutan itu, Dr Mahathir mengakui kerajaan melakukan sedikit sebanyak kesilapan sebelum ini

kerana memberi pelbagai kemudahan dan keistimewaan kepada raja.

"Saya mengaku bersalah. Mereka meminta, tetapi bila kita kata tidak boleh, mereka merayu dan kita terpaksa beri, malah berjuta-juta ringgit kita terpaksa beri," katanya di majlis perjumpaan mesra bersama Perdana Menteri, di Dewan Jitra, di sini hari ini.

Lebih 1,000 orang hadir di majlis itu. Turut sama ialah Menteri Besar Kedah, Tan Sri Osman Aroff dan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan.

Dr Mahathir juga mendedahkan bahawa beliau pernah menyuarakan pandangan rakyat yang tidak bersetuju dengan sikap mereka dalam mesyuarat raja-raja di Langkawi, tetapi tidak

diendahkan.

Dr Mahathir menjelaskan langkah kerajaan menarik balik kemudahan dan keistimewaan raja bukan membalas dendam terhadap keengganan raja menyokong pindaan Perlembagaan, tetapi kerana sudah tidak tahan dengan kerenah mereka.

Beliau berkata, sudah lama kerajaan cuba menghentikan kerenah raja dan sultan yang sering meminta pelbagai kemudahan, tetapi ia sukar dilakukan.

"Kita tidak ada niat membalas dendam. Sudah lama kita cuba untuk menghentikannya, tetapi susah.

"Kali ini tindakan itu terkasar sikit. Kita akan beri yang hak dan setakat yang patut saja, lebih... tidak boleh," katanya.

"Sekarang kita tak tahan lagi dan terpaksa ambil balik kemudahan yang tidak sepatutnya diberi kepada mereka," katanya.

Dr Mahathir mengulangi pendiriannya bahawa beliau tidak berniat membuang raja atau menjadikan Malaysia sebagai negara republik, tetapi tidak dapat memberi jaminan bahawa sistem beraja negara ini akan kekal.

Beliau berkata, adalah tidak pasti setakat mana sistem beraja ini kekal, tetapi raja yang mematuhi undang-undang akan tetap diterima rakyat.

"Caranya ialah dengan tidak memberi sebab kepada rakyat untuk membenci raja, manakala raja yang tidak membuat apa yang tidak dibenarkan oleh undang-undang akan

terus diterima rakyat," katanya.

Perdana Menteri berkata, jika rakyat tidak bangkit menentang Malayan Union pada 1946, raja-raja hanya menjadi kadi saja pada masa ini.

Menurutnya, mengikut perjanjian Malayan Union, raja hanya berkuasa mengenai agama dan adat istiadat saja, manakala negara ini kekal sebagai tanah jajahan British.

"Ketika itu raja takut dengan British dan jika rakyat seluruh negara tidak bangkit menentang, negara ini menjadi tanah jajahan British," katanya.

"Jika mengikut sejarah lama ada kemungkinan apabila diugut oleh British negara ini akan diserah balik," katanya.